



# BOLA JARING

## 1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut :

1.1.1 Undang-Undang *International Netball Federation (INF)*.

1.1.2 Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM).

1.2 Peraturan Pertandingan

1.2.1 Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.3 Jenis Pertandingan

1.3.1 Pertandingan Antara Pasukan (Wanita) Universiti-Universiti Awam Malaysia.

1.4 Pendaftaran Permainan/Pembentukan Pasukan

1.4.1 12 orang Pemain.

1.4.2 1 orang Pengurus Pasukan.

1.4.3 1 orang Jurulatih Pasukan.

1.4.4 1 orang Pegawai Penjagaan Utama (Primary Care Personnel) yang berkelayakan.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Format Pertandingan

2.1.1 Dijalankan secara liga dalam kumpulan (mengikut pecahan kumpulan dalam Peraturan Am MASUM).

2.1.2 Pusingan kedua dan seterusnya dijalankan secara kalah mati.

2.1.3 Pemberian mata secara Liga adalah seperti berikut:

Menang - 3 mata	Seri - 1 mata	Kalah - 0 mata
-----------------	---------------	----------------

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



## 2.1.4 Pematuhan Pakaian:

2.1.4.1 Rujuk Undang-Undang Antarabangsa.

2.1.4.2 Huruf-huruf bib di bawah hendaklah tertera di bahagian hadapan dan belakang baju pemain iaitu :

- GS - Penjaring Gol (Goal Shooter)
- GA - Penyerang Gol (Goal Attack)
- WA - Penyerang Sayap (Wing Attack)
- C - Pemain Tengah (Centre)
- WD - Penangkis Sayap (Wing Defense)
- GD - Penahan Gol (Goal Defense)
- GK - Penjaga Gol (Goal Keeper)

2.1.4.3 Setiap pasukan WAJIB menyediakan 2 set bib berlainan warna.

2.1.4.4 Pasukan hendaklah memakai pakaian seragam sepanjang perlawanan berlangsung (contoh : seluar panjang, skirt, suit, dll).

## 2.1.5 Pasukan/Pertukaran Pemain:

2.1.5.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum 5 (lima) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

## 2.1.6 Cara Memutuskan Keputusan:

2.1.6.1 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

- Purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena).
- Jika masih seri, maka perbezaan gol akan digunapakai (iaitu : jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena).
- Jika masih seri, pasukan yang menjaring gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

2.1.6.2 Secara Kalah Mati - Jika keputusannya berakhir dengan SERI pada peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut:

- Pertandingan disambung semula setelah berehat 3 minit.
- Masa tambahan selama dua (2) x tujuh (7) minit setiap bahagian akan dimainkan.

- Pasukan bertukar Kawasan Gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah.
- Pasukan bertukar Kawasan Gol di separuh masa tanpa rehat.
- Hantaran Tengah diambil oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah yang berikutnya.
- Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol.

## 2.1.7 Masa Bermain

2.1.7.1 Peringkat Awal, Pusingan Kedua, Suku Akhir & Separuh Akhir :  
20 minit x 5 minit x 20 minit.

2.1.7.2 Peringkat Tempat Ke3 & Ke4 dan Akhir:  
15 min x 3 min x 15 min x 5 min x 15 min x 3 min x 15 min.

2.1.7.3 Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa permainan.


## 2.1.8 Perlawanan Yang Ditunda Atau Dihentikan

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawal kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## 2.1.9 Kelewatan

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan jaringan 10-0.

## GELANGGANG BOLA JARING



# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

BOLA JARING	JUMLAH PENYERTAAN
Atlet/Pemain	12
Pengurus	1
Jurulatih	1
Primary Care Personnel	1